

# Salah Berbahasa Mengundang Dosa

Apabila bercakap dengan anak atau pelajar, elakkan menuturkan bahasa yang "mengundang dosa" kerana pepatah mengatakan "kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa". Ibu bapa dan guru juga berdosa apabila bercakap menggunakan bahasa yang kasar, memarahi anak atau pelajar menggunakan kata yang kesat dan menegur orang lain menggunakan bahasa menyindir dengan niat mengata atau menyakitkan hati orang lain. Hal yang sedemikian inilah yang telah mencetuskan laras bahasa yang dikatakan sebagai "bahasa dosa", yakni bahasa yang seharusnya tidak didengar oleh anak atau pelajar, atau tidak sepatutnya dituturkan oleh sesiapa sahaja, terutama ibu bapa dan guru kepada anak dan pelajar.

Berkaitan dengan hal ini, Islam sangat melarang anak bercakap kasar kepada ibu bapa atau orang yang lebih tua daripada mereka. Namun demikian, dengan berleluasanya pengaruh media baharu dan media sosial, sedikit banyak anak terpengaruh dengan bahasa mereka bertingkah laku kurang ajar dan biadab. Oleh sebab itulah, ibu bapa dan guru sebagai individu yang kerap berkomunikasi dan bersemuka secara langsung dengan anak dan pelajar harus menjaga tutur kata dan lafaz bicara mereka agar tidak mempengaruhi bentuk percakapan anak dan pelajar. Bak kata pepatah, "guru kencing berdiri murid kencing berlari" yang jelas menuntut perlu adanya teladan yang baik daripada ibu bapa atau guru agar dicontohi atau diikuti oleh anak atau pelajar.

Oleh hal yang demikian, apabila berbahasa, kemahiran bertutur kata perlu dikuasai oleh ibu bapa dan guru bagi mengelakkan anak dan pelajar bercakap kasar atau menuturkan kata yang kesat. Anak ialah anugerah Allah kepada ibu bapa, manakala pelajar ialah anak didik guru, justeru masing-masing mesti taat dan patuh kepada perintah dan menurut kata ibu bapa dan guru selagi tidak melanggar larangan Allah.

Memetik pandangan seorang pakar bahasa, John MacWhorter menyatakan bahawa generasi baharu kini sangat mementingkan diri sendiri. Pengaruh hedonisme sangat jelas mendominasi kehidupan mereka. Begitu juga dengan bentuk bahasa pertuturan mereka yang dipengaruhi oleh media baharu dan media sosial, selain pengaruh bahasa yang dituturkan oleh ibu bapa dan guru serta rakan sebaya.

Semasa menegur dengan niat untuk mendidik anak dan pelajar, ibu bapa dan guru wajib menjaga bahasa dengan cara bertutur menggunakan bahasa yang baik dan indah seperti yang dituntut oleh Islam berdasarkan kemampuan ibu bapa dan juga guru. Anak ibarat kain putih dan menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk

mewarnakan kain putih itu dengan lakaran yang indah pada hati, cantik pada mata. Pendidikan bahasa yang baik serta berhikmah daripada guru dan ibu bapa akan menjadi contoh kepada anak dan pelajar.

Kekejaman berlakunya kejadian anak menendang ibu dan menengking bapa serta pelajar menipu guru dan mengambil rakan ialah kesan daripada bahasa dosa yang tanpa sedar meruntuhkan keharmonian keluarga dan mencalarakan nama sekolah. Di media sosial Facebook, tular isu 10 bahasa dosa, iaitu bahasa melaknat, bahasa menyindir, bahasa berdusta atau menipu, bahasa menempelak, bahasa mengkritik atau memebel, bahasa mengungkit, bahasa membandingkan, bahasa mengugut, bahasa menuduh dan bahasa bisu. Kesemua bahasa itu mempunyai bentuk kata dan ayat tertentu yang lazimnya dituturkan berdasarkan situasi, perasaan dan emosi si penuturnya. Namun hal yang demikian bahasa dosa itu memang tidak sepatutnya dituturkan oleh ibu bapa atau guru kepada anak atau pelajar, dan sebaiknya elakkan diri daripada menuturkan kata atau ayat yang sedemikian kepada sesiapa pun.



Generasi baharu kini sangat mementingkan diri sendiri.

Pengaruh hedonisme sangat jelas mendominasi kehidupan mereka. Begitu juga dengan bentuk bahasa pertuturan mereka yang dipengaruhi oleh media baharu dan media sosial, selain pengaruh bahasa yang dituturkan oleh ibu bapa dan guru serta rakan sebaya.




Bahasa melaknat biasanya digunakan oleh ibu bapa dan guru kerana rasa marah menguasai diri mereka. Apabila berada dalam keadaan marah, hati dan akal tidak terkawal lantas keluarlah bahasa melaknat, iaitu sama ada menyumpah, menyerenah ataupun memaki hamun anak atau pelajar. Ditakuti bahasa melaknat ini boleh menjadi doa yang membawa laknat, iaitu menjurus kepada kemurkaan Allah. Sebagai contohnya, “Engkau ‘ni anak tak kenang dek untung” atau “Celakalah engkau ‘ni”. Jika berterusan mendengar bahasa melaknat ini dikhuatiri akan mengeraskan jiwa anak dan lama-kelamaan menyebabkan mereka melawan kata atau tidak menurut perintah.

Ibu bapa atau guru juga akan menyindir anak atau pelajar sama ada menyindir secara nyata ataupun berkias, tetapi difahami oleh orang yang mendengar ayat itu. Sebagai contohnya, “Kauingat kaupandai sangat. Jika kaubijak pandai belajarlh sendiri”. Ayat tersebut sebenarnya bertujuan mengeji, menjelek atau mencela, dan dituturkan oleh seseorang untuk menyindir secara berkias. Bahasa sebegini akan mematahkan semangat pelajar atau membunuh jiwa anak.

Sering kali ibu bapa atau guru berdusta atau beripu untuk menakutkan anak atau pelajar. Namun, jika anak atau pelajar mendapat tahu bahawa mereka telah ditipu akan menyebabkan mereka tidak percaya lagi pada kata ibu bapa dan guru. Contohnya, “Sesiapa yang ponteng esok cigku akan suruh polis tangkap kamu” atau “Adik jangan nangis. Nanti balik kerja mama belikan barang mainan”. Akibat yang lebih teruk, anak atau pelajar juga akan berbohong kepada ibu bapa dan guru.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, perkataan “menempelak” bermaksud mencerca atau mencela dengan keras (dengan membangkit-bangkitkan keburukan kesalahan dan lain-lain yang sudah-sudah. Sebagai contohnya, “Tahun lalu di kelas dapat nombor tercorot, tahun ini tak tahulah lagi”. Penggunaan bahasa yang menempelak ini akan membangkitkan rasa marah dan dendam dalam hati anak atau pelajar yang mendengar kata tersebut lantas menjadikan mereka orang yang keras hati dan degil.

Apabila mengkritik atau memebel pula bahasa yang digunakan biasanya berupa leteran yang panjang berjela. Jika bahasa mengkritik ada kritikan positif dengan memberikan contoh teladan manakala jika bahasa memebel biasanya berpunca daripada perasaan tidak puas hati lantas menyebabkan individu itu berleter panjang tanpa hujung pangkal. Biasanya bahasa ini diucapkan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya. Contohnya, “Engkau ni asyik keluar rumah sahaja, masa bila engkau nak belajar sedangkan peperiksaan sudah



Guru yang bijak akan menggunakan bahasa yang betul untuk menarik perhatian pelajar.

hampir. Kalau macam ini baik tak perlu pergi ke sekolah. Hanya membazirkan duit mak ayah hantar kaupergi tuisyen tapi kaupergi ke tempat lain. Engkau ingat mak dan ayah tak penat cari duit. Kami nak kau jadi budak pandai dan berjaya dalam hidup, bukannya hanya pandai buang masa saja”. Sebagai akibatnya, leteran yang sebegitu menyebabkan anak hilang keyakinan diri dan tidak berminat untuk mencapai kejayaan dalam hidupnya.

Bahasa mengungkit paling kerap diucapkan oleh ibu bapa kepada anak, terutamanya mengungkit hal pemberian duit, pelajaran dan barangan kepada anak. Ibu bapa cenderung mengucapkan bahasa mengungkit kerana berasa kecewa apabila anak tidak memberikan balasan seperti yang diharapkan oleh ibu bapa, sebagai misalnya kecewa dengan keputusan pelajaran. Lazim kita mendengar ibu bapa berkata, “Sia-sia saja mak dan ayah berhabis duit menghantar kamu ke kelas tuisyen, tetapi keputusan macam ini yang kamu dapat!” Kesannya, anak akan terasa jauh hati lantas menyimpan dendam dan memberontak kerana berasa ibu bapa menghantar mereka ke sekolah hanya untuk memuaskan hati dan perasaan mereka tanpa mempedulikan perasaan anak. Contoh lain bagi bahasa mengungkit ialah “Kalau mak dan ayah tidak bantu engkau dulu sudah lama kaumasuk penjara”.

Terdapat juga ibu bapa yang gemar membandingkan anaknya dengan orang lain, terutama apabila anaknya tidak secemerlang anak orang lain



Jika berlaku sesuatu terhadap anak, ibu bapa selalu menuduh, dan seterusnya memarahi anak tanpa usul periksa. Biasanya, ibu bapa menuduh anak yang tidak mendengar kata, nakal dan terpengaruh dengan kawan-kawan yang berperangai buruk. Bahasa menuduh boleh menyebabkan anak memberontak dan melawan cakap orang yang lebih tua.



dalam pelajaran. Tanpa disedari, ibu bapa sebenarnya menyakitkan hati anak dan menyebabkan anak berasa rendah diri. Ada juga ibu bapa yang dengan sengaja membandingkan anak yang tidak berjaya di depan orang ramai dengan niat mencabar anak mereka. Sebagai contohnya, “Lihat kawankau itu cemerlang dalam peperiksaan, bukan macam engkau yang malas apabila disuruh belajar. Sebab itulah kaugagal”. Bahasa seperti ini tidak sepatutnya diucapkan oleh ibu bapa kepada anak. Lebih baik jika anak diberikan kata motivasi sebagai galakan, bukannya dengan cara mencabar anak dan meminta dia membuktikan bahawa dia memang anak yang pandai. Sedarlah, anak akan menjadi rendah diri dan rasa tersisih apabila dibandingkan dengan orang lain.

Dalam kehidupan harian, ibu bapa juga selalu mengutip anak dengan kata berupa ancaman atau ugutan. Bentuk kata yang sedemikian akan menyebabkan anak berasa tertekan lantas memberontak dan marah dalam diam. Kesannya, anak cenderung bertindak biadab kepada ibu bapa dan guru. Bahasa mengutip ini selalunya bertujuan untuk menakut-nakutkan anak dengan niat anak akan mendengar kata atau mematuhi arahan. Sebagai

contohnya, “Jika kaumalas belajar, lepas peperiksaan nanti kahwin sajalah” atau “Ayah ‘tak akan membantu engkau jika gagal peperiksaan nanti. Pandai-pandai engkau sendirilah nak cari kerja”. Kesannya, anak berasa hidupnya terancam atau ugutan daripada ibu dan bapa menyebabkan anak berasa hidupnya tidak selamat.

Jika berlaku sesuatu terhadap anak, ibu bapa selalu menuduh, dan seterusnya memarahi anak tanpa usul periksa. Biasanya, ibu bapa menuduh anak yang tidak mendengar kata, nakal dan terpengaruh dengan kawan-kawan yang berperangai buruk. Bahasa menuduh boleh menyebabkan anak memberontak dan melawan cakap orang yang lebih tua. Sebagai contohnya, “Disebabkan berkawan dengan orang macam itulah engkau menjadi kurang ajar”, atau “Kamu yang selalu berjaln dengan dia, jadi kamulah yang curi duit dia”. Kesannya akan menjadikan anak tidak berani atau enggan mengaku kesalahan walaupun dia memang bersalah.

Perlakuan membusu atau bahasa bisu juga tersenari sebagai bahasa yang akan menimbulkan masalah kepada sifat dan tingkah laku anak atau pelajar. Bahasa bisu berlaku apabila ibu bapa sudah letih menasihati anak mereka atau ibu bapa sudah tidak tahu apa lagi yang hendak dicakapkan kepada anak mereka. Bahasa bisu juga memberikan kesan kepada hati dan jiwa anak. Sebagai akibatnya, anak tidak akan merujuk ibu bapa jika ingin melakukan sesuatu perkara. Tanpa komunikasi dua hala, anak tidak mendapat panduan, nasihat atau didikan yang sebaik-baiknya daripada ibu bapa. Selain itu, anak lebih suka menjauhkan diri daripada ibu bapa dan mengadakan masalah kepada kawan.

Sebagai ibu bapa dan guru, ingatlah bahawa bahasa kita cerminan peribadi yang akan dilihat dan didikan pengajaran, serta ikutan anak dan anak murid. Tidak rugi berbahasa dengan baik dan bersopan santun dengan mereka kerana perlakuan itu akan menjadi ikutan anak dan pelajar. Kajian pakar psikologi pendidikan bahasa juga mendapati pengaruh bahasa ibu bapa, guru dan rakan sebaya banyak mempengaruhi bahasa remaja pada masa ini.

Oleh hal yang demikian, ibu bapa dan guru mestilah menunjukkan teladan yang baik kepada anak dan pelajar, terutama dalam hal menjaga kesopanan dalam berbahasa. Berhati-hatilah apabila berbahasa dengan anak dan pelajar serta gunakanlah laras bahasa yang sesuai mengikut masa dan tempat. Hal yang paling penting adalah dengan mengawal kemarahan dan kekecewaan terhadap anak atau pelajar agar tidak terlafaz kata yang boleh mencetuskan dosa. **23**